

MTUC bincang tiga isu pertemuan dengan PM 3 Julai

UM 25 JUN 2001

Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 24 Jun — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan membincangkan sekurang-kurangnya tiga isu berkaitan dengan kepentingan pekerja negara ini pada pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, 3 Julai ini.

Antara tiga isu berkenaan ialah cadangan pelaksanaan gaji minimum, tabung pampasan pemberhentian pekerja dan penubuhan kesatuan sekerja pekerja sektor elektronik.

Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran berkata, pihaknya akan menggunakan pertemuan tersebut sebagai peluang untuk mendapatkan maklumat perkembangan mengenai cadangan dilaksanakan gaji minimum untuk pekerja negara ini.

“Cadangan MTUC telah dibawa kepada perhatian kerajaan dan khususnya kepada Perdana

Menteri pada pertemuan-pertemuan lalu.

“MTUC akan mendapatkan pandangan beliau mengenai pendirian dan keputusan kerajaan berhubung cadangan ini,” kata beliau kepada *Utusan* di sini, hari ini.

Memberangsangkan

Rajasekaran yakin pertemuan kali ini akan membuahkan hasil yang memberangsangkan semua pihak.

“Bila ada pertemuan, mesti ada harapan. Dan kami yakin akan ada hasil yang menarik kali ini,” katanya sambil memberitahu delegasi itu akan melibatkan 10 hingga 15 pemimpin diketuai Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak.

Pertemuan tersebut merupakan yang pertama sejak kongres berkenaan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bulan Februari lalu.

MTUC telah membincangkan cadangan pelaksanaan gaji minimum dengan Dr. Mahathir pada tahun 1999. Perkara itu pertama kali dibangkitkan pada 1998.

Ketika itu pergerakan kesatuan sekerja berkenaan mengesyorkan gaji minimum sekurang-kurangnya RM1,200.

Bagaimanapun selepas beberapa perbincangan dengan kerajaan, ia mengubah kadar berkenaan kepada RM900.

Jawatankuasa Kerja MTUC yang bermesyuarat kelmarin telah membincangkan perkara-perkara yang akan dibangkitkan pada pertemuan dengan Perdana Menteri minggu depan.

Pada pertemuan, menurut Rajasekaran, pihaknya akan meminta Dr. Mahathir membantu menyelesaikan masalah ketiadaan peluang untuk pekerja-pekerja sektor elektronik menubuhkan kesatuan sekerja.

“Setakat ini mereka hanya dibenarkan menyertai kesatuan dalaman yang mempunyai kekurangan sendiri,” kata beliau.

Jelas Rajasekaran, sekurang-kurangnya kesatuan kebangsaan akan membolehkan pekerja-pekerja sektor terbabit menikmati perlindungan menyeluruh berbanding kesatuan dalaman.

Jaminan

MTUC telah membangkitkan isu penubuhan kesatuan kebangsaan pekerja-pekerja elektronik sejak lewat 1980-an.

Mengenai isu-isu KWSP, beliau memberitahu, memandangkan Dr. Mahathir telah memberi jaminan menyelesaikan perkara berkenaan, MTUC akan membincangkannya di peringkat Lembaga KWSP.

Lembaga KWSP yang dijadualkan akan mengadakan mesyuarat pertama sesi 2001/03 pada 2 Julai ini.